

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: Khamis, 1 Oktober 2020 8:25 pg
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: Jerayawara Cyntok Bhatik Platform Ketengah Produk Usahawan Tempatan



UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

1 OKTOBER 2020 / 13 SAFAR 1442H
=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(*THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY*)

Oleh: Siti Fatimah Abdullah
Gambar oleh: Muhammad Shamsul Shafie dan Abdul Halim Husain

**JERAYAWARA CYNTOK BHATIK PLATFORM KETENGGAH PRODUK USAHAWAN
TEMPATAN**



UUM ONLINE: '*Cyntok Bhatik*' Roadshow menjadi platform baharu kepada usahawan tempatan dalam usaha memperkenalkan dan mengembangkan produk berasaskan batik bermotifkan Sintok kepada warga Universiti Utara Malaysia (UUM).

Penyelidik Pusat Pengajian Pengurusan Industri Kreatif dan Seni Persembahan (SCIMPA), Dr. Adzira Husain berkata, jerayawara atau *roadshow* anjuran SCIMPA itu berlangsung selama dua hari bermula di Foyer Canselori dan Foyer Perpustakaan Sultanah Bahiyah.

Menurutnya, *roadshow* itu bertujuan untuk memperkenalkan produk *Cyntok Bhatik* yang sarat dengan motif pokok Sintok yang terdapat di UUM kepada seluruh warga kampus.

Katanya, menerusi *roadshow* itu, SCIMPA menjemput usahawan yang terlibat dalam perusahaan batik untuk memberi perkongsian dan penerangan sambil menjual produk mereka.

Mengulas lanjut, *Cyntok Bhatik Roadshow* adalah rentetan daripada Projek Baju Kedah *Cyntok Bhatik* yang bermula sebagai projek penyelidikan kini merupakan antara projek awal yang berjaya dikomersialkan dan berstatus TRL 7.

"Projek ini berjaya menarik minat usahawan dari Kedah dan Kuala Lumpur untuk terlibat secara langsung iaitu Che Ah Enterprise, Liyana Batique Collections dan Arena Cipta Sdn Bhd.

"Ketiga-tiga usahawan ini telah membeli motif *Cyntok Bhatik* secara berlesen untuk dijadikan motif utama bagi penghasilan produk syarikat mereka," katanya.

Pasukan penyelidik bertekad untuk meletakkan jenama *Cyntok Bhatik* di pasaran luar, seterusnya menjadikan *Cyntok Bhatik* keluaran UUM sebagai sebahagian daripada produk kebanggaan negeri Kedah.

Sementara itu, pempamer, Basirah Abu Bakar yang dikenali sebagai Che Ah menjual cenderamata berasaskan motif *Cyntok Bhatik*, selain menerima tempahan pukal, runcit dan ubah suai pakaian.

Penglibatannya dengan *Cyntok Bhatik* bermula apabila terpilih sebagai usahawan yang boleh menghasilkan produk *Cyntok Bhatik* dari Pendang sebagai daerah kajian Baju Kedah Batik Sintok oleh SCIMPA.

“Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada UUM kerana menyediakan satu platform untuk membantu usahawan seperti kami, tambahan pula di saat-saat pandemik Covid-19 sehingga ramai peniaga yang terjejas serta hilang sumber pendapatan.

“Saya seorang tukang jahit dan memang minat dengan batik menerusi kerjasama dengan UUM, saya dapat meluaskan kreativiti untuk menghasilkan pelbagai jenis barangan cenderamata seperti beg, pakaian, bingkai dan hadiah yang sesuai untuk pelbagai majlis,” katanya yang juga Pengerusi Kumpulan Jahitan Pukal Usahawan Risda Pendang.

Lebih membanggakan hasil sentuhannya turut mendapat perhatian pihak Istana Anak Bukit yang kini dalam proses untuk disiapkan.

Menurutnya, dia bersyukur dan amat berbesar hati kerana hasil kerjanya mendapat perhatian pihak istana dan dia percaya usaha ini bakal membuka lebih banyak peluang pekerjaan buat orang kampung.



Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.